



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MEMELIHARA KEMULIAAN MANHAJ ILMU"

19 Julai 2024 / 13 Muharram 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "MEMELIHARA KEMULIAAN MANHAJ ILMU"

Firman Allah SWT, ayat 269 surah al-Baqarah:

﴿يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو

الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

Bermaksud: Dia (Allah) memberikan hikmah (kebijaksanaan) atau ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendaki Nya. Maka, sesungguhnya yang diberi hikmah itu dia benar-benar telah mendapat kurnia (kebaikan) yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran (daripada firman Allah) kecuali orang yang berakal dan tulus.

Manhaj ilmu bermaksud kaedah ilmiah yang jelas, digariskan untuk menghasilkan penelitian ilmu dalam satu-satu bidang serta membuktikan kebenaran sesuatu maklumat. Sejak Rasulullah SAW diamanahkan tanggungjawab sebagai Rasul, Baginda mengajar ilmu kepada para sahabat dengan kaedah yang benar dan tepat. Para sahabat bertanya kepada Baginda SAW untuk mendapat kefahaman terhadap ayat al-Quran

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



yang diturunkan. Bermula dari situ, terbinalah manhaj, berserta disiplin penghasilan bidang-bidang ilmu, diwarisi turun temurun daripada generasi ke generasi.

Contoh lain, ialah cara Rasulullah SAW mempraktikkan manhaj dalam kaedah berdakwah. Dimulai dakwah secara rahsia melibatkan ahli keluarga terdekat, beralih kepada sahabat terdekat, sehinggalah diperkenalkan dakwah secara terang-terangan setelah Baginda SAW berjaya membina kekuatan bersama sebilangan pengikut. Sudah tentu segala perkara yang dilakukan jika menuruti manhaj atau disiplin yang benar pasti membawa kejayaan dalam usaha mengembangkan syiar Islam.

Manhaj ilmu hendaklah dipelihara dengan kemuliaan dan nilai-nilai amanah termasuk menjaga adab-adab khilaf, dikembarkan sikap *bertasamuh* atau bertolak ansur. Setiap bidang ilmu Islam mempunyai manhaj atau disiplinnya tersendiri merangkumi ilmu-ilmu tafsir, akidah, hadis, fiqah, syariah, sirah dan sebagainya. Kegagalan untuk memeliharanya menyebabkan *hasil mahsul* sesuatu ilmu menjadi berserabut, melanggar disiplin ilmu yang telah digariskan; sehingga mengeluarkan pandangan yang bukan berasaskan pengetahuan mendalam mengenai bidang ilmu yang dibicarakan.

Ilmu tidak boleh menjadi alat kepentingan diri untuk mendapatkan kedudukan, harta, jawatan dan kemasyhuran. Diperhatikan, ramai yang mengulas sesuatu mauduk yang mereka sendiri tidak mempunyai *kefakihan* dan kepakaran; ada pula yang memuatkan kandungan-kandungan berbentuk ilmu dalam media sosial tanpa dikaji dan diteliti secara mendalam akan maklumat yang disampaikan. Lebih buruk, ada yang berhujah dan berdebat sehingga ke tahap melanggar batas-batas yang ditetapkan oleh agama. Alangkah baik jika ummah saling bersetuju dan bersepakat mengenai perkara-perkara dalam kerangka syarak, dan bersama-sama menyanggah perbuatan yang jelas bertentangan syarak.

### **Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Sikap tidak bertanggungjawab menyebarkan ilmu di luar daripada kepakaran, boleh mencetuskan perbalahan, mengakibatkan masyarakat menghadapi kecelaruan untuk memastikan antara yang benar dan yang salah. Dibimbangkan jika keadaan ini berterusan, akan menyebabkan mereka yang ingin mempelajari ilmu di peringkat permulaan akan patah hati dan hilang minat kerana keliru untuk memilih antara yang benar dengan yang salah.



Para agamawan terutamanya, wajib memastikan setiap ilmu yang disampaikan mestilah secara berhikmah - melalui proses penelitian dengan mencari dan mendahulukan sumber utama, benar, sahih dan tidak mengundang fitnah. Amat buruk sekiranya masjid sebagai tempat yang wajib menyebarkan ilmu yang benar, dijadikan medan untuk menyampaikan cerita-cerita karut yang tidak dapat dibuktikan kesahihannya, disampaikan pula dalam bahasa yang kesat, atau ada yang mengolah bahan-bahan jenaka dengan niat mahu mengundang gelak ketawa pendengar.

Bersifat amanahlah dengan ilmu. Jangan siarkan bahan yang disunting separuh jalan sehingga membawa maksud yang bersalahan daripada maksud sebenar. Jangan terlalu ghairah mahu menjadi orang pertama menyampaikan sesuatu ilmu yang dipetik daripada sumber kedua, tanpa memastikan kesahihannya, kerana dikhuatiri ilmu yang disampaikan itu merupakan maklumat palsu.

Perlu difahami, tujuan menuntut ilmu adalah untuk mengetahui kebenaran supaya dapat memahami perintah dan larangan Allah agar memperoleh kebaikan dunia dan akhirat. Dikhuatiri ummah boleh terpesong fahaman dan tergelincir akidah, jika ilmu disampaikan tanpa mengutamakan disiplin, disebabkan sikap berlumba-lumba ingin menjadi popular atau mendapat ramai peminat dengan cara menunjukkan kehandalan diri. Hendaklah dijadikan pedoman amaran tegas Rasulullah SAW terhadap mereka yang memperdagangkan ilmu sebagai bahan dagangan atau mainan berpandukan sabda Baginda:

مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُجَارِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ يَصْرِفَ بِهِ وَجْهَ النَّاسِ إِلَيْهِ  
أَدْخَلَهُ اللَّهُ النَّارَ

Bermaksud: "Sesiapa yang menuntut ilmu (agama) untuk menyaingi ulama, atau berbahas dengan orang jahil, atau supaya ilmu tersebut wajah orang ramai tertumpu kepadanya, maka Allah masukkan dia ke dalam neraka". (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Demi mengawal dan menghindari daripada berlakunya sebaran diayah yang menyeleweng dan menyesatkan, adalah penting untuk pihak berkuasa agama memperkenalkan syarat-syarat yang ketat terhadap mana-mana pihak yang ingin mengajar ilmu agama dengan diwajibkan mereka mengambil peperiksaan untuk menentukan kelayakan mereka diberikan tauliah mengajar.



## Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menasihatkan ummah pada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Tanpa ilmu, ummah akan berada dalam kegelapan, mungkin tersesat perjalanan ketika mengharungi kehidupan dunia mengakibatkan kesengsaraan menghadapi akhirat.

**Kedua:** Menuntut, mengkaji, mengajar dan menyebarkan ilmu ialah ibadah dan hendaklah dilakukan dengan keikhlasan dan ketakwaan bertujuan untuk mengenali kebesaran Allah SWT agar ummah memperoleh kebaikan dan manfaat di dunia ini serta turut dilimpahi ganjaran di akhirat kelak.

**Ketiga:** Rasulullah SAW memperingatkan kepada sesiapa yang menjadikan ilmu sebagai alat untuk memperoleh habuan dan kepentingan dunia, mereka tidak akan mendapat bau syurga pada hari kiamat. Sampaikanlah ilmu dengan tujuan mendapat keredaan Ilahi, Insha-Allah ilmu akan menjadi amal penyambung pahala walaupun telah berada di alam barzakh.

**Keempat:** Ilmu yang diwarisi dari Rasulullah SAW mempunyai manhaj yang perlu diikuti. Sikap tidak beramanah dengan ilmu yang disampaikan akan memberikan kesan buruk, bukan sekadar kepada diri sendiri, malah lebih buruk kepada ummah keseluruhannya. Janganlah menjadi penyebab kepada perpecahan ummah melalui penyampaian ilmu dan ajaran yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar, insafilah akan balasan buruk di sisi Allah kepada mereka yang menjadi pencetus perselisihan hingga mengakibatkan ummah berpecah.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِي وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Buka pintu hati kami untuk mencintai ilmu, dan tingkatkan keinginan kami untuk mengisi dada kami dengan ilmu, dan bimbing kami dalam urusan menimba ilmu dan menyampaikan ilmu. Jadikan kami daripada kalangan hamba Mu yang beramanah dengan ilmu, menyampaikan ilmu secara berhikmah, menuruti manhaj yang benar dan berniat ikhlas ingin *mengislahkan* masyarakat.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.